

MENGUKUHKAN HUBUNGAN ANTARA LIPUTAN MEDIA DAN PASARAN EKONOMI BEBAS BERKENAAN DENGAN ALAM SEKITAR

Oleh
Mohd Hamdan Adnan

PENDAHULUAN

Salah satu daripada kepentingan utama untuk melindungi dan meningkatkan kualiti alam sekitar ialah aliran maklumat yang bebas supaya polisi dan tindakan yang sepatutnya dapat dilaksanakan. Adalah mustahil untuk membincangkan mengenai alam sekitar sekiranya tidak mempunyai maklumat yang mencukupi dan tepat. Peranan sosial pihak media ialah sebagai sumber maklumat dan penulisan yang baik dalam agenda debat umum sebagai objek kontroversi bila kepentingan politik dan pentadbiran melebihi yang dimengertikan kepentingan pendapat umum dan kepentingan yang dilaksanakan oleh pihak akhbar dalam liputan terhadap sesuatu isu (Murch 1971, Becker 1982). Walaupun begitu pihak media mesti memainkan peranan penting untuk memastikan tiada salah faham atau sekatan komunikasi berlaku sesuai di semua peringkat sama ada antara bangsa, negara dan tempatan.

Media dalam pasaran ekonomi bebas bukan hanya berperanan sebagai pihak yang berasingan tetapi juga membantu melindungi dan meningkatkan kualiti alam sekitar. Adalah menjadi satu aliran di dalam sistem pasaran ekonomi bebas untuk membincangkan alam sekitar secara positif. Kalau dahulu hanya aktivis alam sekitar dan pengguna yang berminat dalam melindungi alam sekitar tetapi sekarang semua pihak turut membabitkan diri termasuk pegawai tinggi kerajaan, ahli ekonomi dan para pengusaha industri. Para menteri yang dahulunya menuduh aktivis alam sekitar dan aktivis pengguna sebagai tidak realistik dan menyekat pembangunan turut serta dalam menangani masalah alam sekitar. Ini merupakan satu kemajuan yang positif.

Minat dan sikap prihatin masyarakat umum terhadap alam sekitar dalam pasaran ekonomi bebas bermula dalam tahun 60-an, lebih tepat bermula di Eropah Barat dan Amerika Utara tidak mengalami kemerosotan seperti yang diramalkan mengikut "issue attention cycle" (Down, 1972). Malah dari bukti pendapat umum turut menyokong ianya masih kekal di peringkat yang tinggi sejak berada di kemuncak pada tahun 1972.

Analisis kandungan media (Brooks et al 1976), (Parlour & Schotzow 1978),

(Schoenfeld et al 1979), (Sellers & Jones 1973) menunjukkan keadaan yang sama iaitu tumpuan utama ialah isu-isu alam sekitar. Walau bagaimanapun setengah-setengah aliran menyekat pengumpulan maklumat dan peningkatan keberkesanan pihak media. Masalah tersebut ialah kemajuan teknikal yang sangat pesat dan kompleks sejajar dengan kehendak antarabangsa serta peningkatan penglibatan masyarakat umum untuk turut serta sebagai penentu dasar. Di kebanyakan negara membangun, kemampuan media menyiarkan masalah masih dikongkong oleh undang-undang media dan sensitiviti pihak kerajaan akibat perbuatan mereka sendiri atau menghalang proses kemajuan negara. Konsep liberal atau bebas di banyak negara membangun sering dianggap sebagai penawar ajaib untuk menyelesaikan masalah ekonomi negara. Aliran ini makin berkembang dan mungkin menjadi isu penting dalam dekad 90-an. Mengikut teori, dalam sistem pasaran ekonomi bebas akan berlaku pertandingan sempurna dan ini akan melindungi masyarakat daripada didominasi dan terkawal. Tetapi apakah pasaran ekonomi bebas sebenar terjadi? Bolehkah pasaran ekonomi bebas menguntungkan masyarakat tetapi melawan kesan buruk sistem tersebut. Untuk sistem ekonomi bebas memberi khidmat kepada masyarakat ianya mesti dikawal daripada kesan negatif seperti kecuaiian terhadap alam sekitar dan kemerosotan mutunya. Pihak media dalam sistem tersebut mestilah bebas dan berani memikul tanggungjawab ini secara berkesan.

Namun begitu berita mengenai alam sekitar dalam pasaran ekonomi bebas masih perlu dipertingkatkan. Ini jelas dibayangkan bila mana pihak penganjur menugaskan saya membentangkan kertas kerja seumpama ini. Tambahan pula adalah sangat diperlukan untuk mengukuhkan hubungan di antara pihak yang terbabit untuk publisiti berkenaan dengan alam sekitar dan pasaran ekonomi bebas. Adalah diharapkan melalui hubungan yang baik di antara pihak-pihak yang terlibat serta liputan yang baik dalam isu-isu alam sekitar, kualiti alam sekitar akan dapat dipertingkatkan dan dapat dikekalkan.

Oleh sebab itu adalah lebih baik jika kita membincangkan gambaran umum beberapa pihak yang terlibat dan kaitannya dengan pihak media sebelum kita memulakan usaha-usaha untuk mempertingkatkan liputan media berkenaan dengan alam sekitar serta mengukuhkan hubungan di antara keduanya. Lima pihak telah memainkan peranan penting untuk menentukan keadaan alam sekitar dalam pasaran ekonomi bebas yang sudah dikenalpasti. Pihak-pihak tersebut ialah :-

1. Kerajaan;
2. Peniaga atau pengusaha;
3. Kumpulan masyarakat bertindak atau sukarela;
4. Masyarakat umum dan
5. Pihak media.

Memahami falsafah, polisi dan keadaan setiap kategori tersebut serta cara mereka beroperasi tentunya akan membolehkan kita memperbaiki kerjasama atau hubungan dengan pekerjaan atau sedikit pemahaman tentang peranan masing-masing dalam isu-isu alam sekitar. Sehubungan dengan itu, pihak media boleh memainkan peranan penting untuk menghubungkan kelima-lima pihak tersebut. Untuk itu pihak-pihak media mestilah mempunyai kebebasan serta kepakaran bagi menghasilkan liputan yang berkesan dan seimbang tentang alam sekitar. Bagi menambahkan keberkesanan hubungan dengan semua pihak mestilah diperkukuhkan dalam menganjurkan dan melindungi alam sekitar. Pihak-pihak lain juga mestilah bersikap terbuka dan mempunyai

pengetahuan yang mencukupi mengenai isu alam sekitar serta mempunyai kepakaran dalam hubungan media.

Satu lagi perkara yang perlu diingati ialah kita semua adalah merupakan pencemar kepada alam sekitar. Yang berbeza ialah kadar pencemarannya. Sesetengah daripada kita cuba sedaya upaya untuk meminimumkan pencemaran. Sebilangan lagi langsung tidak menghiraukannya. Mereka tidak peduli sama ada tindakan mereka memburukkan keadaan alam sekitar. Untuk melindungi dan memperbaiki keadaan alam sekitar secara berkesan, semua pihak yang terbabit mestilah merupakan pencemar kepada alam sekitar. Yang berbeza ialah kadar pencemarannya. Untuk melindungi dan memperbaiki keadaan alam sekitar secara berkesan, semua pihak yang terbabit mestilah bekerjasama melalui forum terbuka serta isu-isu yang dibincangkan secara bebas dan terbuka berdasarkan maklumat yang tepat dan mencukupi.

Pihak Kerajaan

Banyak kepercayaan yang mengatakan masalah alam sekitar berpunca dari dasar dan polisi kerajaan yang mengubah haluan ke arah perindustrian dan penerimaan teknologi-teknologi pertanian moden. Kerajaan negara-negara yang mengamalkan pasaran ekonomi bebas, terutama di negara-negara dunia ketiga biasanya memastikan liputan yang dibuat berkenaan dengan kesan buruk alam sekitar di negara mereka tidak akan menakutkan para pelabur dengan berita-berita yang sedemikian. Ramai wartawan serta banyak suratkhbar yang sudah disenaraihitamkan oleh kerajaan kerana tidak menyokong dasar-dasar kerajaan semasa melaporkan isu-isu alam sekitar.

Pihak kerajaan cuba merahsiakan berita-berita mengenai pencemaran secara sulit hingga ada para wartawan dan aktivis alam sekitar yang berani menulis dan mendesak supaya maklumat mengenainya disiarkan. Banyak kes-kes alam sekitar yang sebelum ini dinafikan oleh kerajaan. Menurut En. Gurmit Singh (1989), Presiden Persatuan Perlindungan Alam Sekitar (EPSM) di Malaysia tidak ada data umum mengenai pencemaran di Sungai Klang hingga organisasinya melakukan kajian awal pada tahun 1975. Sehingga hari ini tidak ada data yang boleh dipercayai dari pihak berkuasa mengenai pencemaran radiasi dari kilang Asian Rare Earth yang menghasilkan sisa radioaktif, tiada laporan alam sekitar yang selaras berkenaan pengilangan kertas dan pulpa di Sabah serta banyak lagi kes sedemikian.

Terlebih dahulu minat pihak kerajaan dalam usaha memperbaiki laporan media mengenai alam sekitar mestilah diadakan. Amat menyedihkan kerana lazimnya amat sukar untuk memperbaiki hubungan di antara pihak kerajaan dan media apatah lagi parti pembangkang selalunya membabitkan diri dengan aktiviti alam sekitar. Memperbanyakkan liputan media mengenai alam sekitar sudah tentu akan dapat membantu kerajaan supaya bersikap terbuka dan memahami masalah alam sekitar.

Hampir semua negara mempunyai kementerian atau jabatan alam sekitar. Walaupun begitu biasanya kementerian atau jabatan ini kurang berkesan ketika menggunakan media untuk menyampaikan mesej. Dalam kebanyakan kes hanya menteri dan pegawai atasan dibenarkan bercakap kepada pihak media. Selalunya apa yang disampaikan oleh mereka ini hanyalah kenyataan dasar dan rasional mengapa pencemaran berlaku di satu-satu kawasan. Pegawai yang betul-betul mengetahui sesuatu isu jarang diberi peluang bercakap kepada pihak media untuk menjelaskan sesuatu perkara dan kenyataan yang lebih objektif. Akibatnya rakyat dan pihak yang memainkan peranan utama dalam isu alam sekitar akan terus kekurangan data yang bermakna. Jadi perjuangan mengenai

alam sekitar tetap akan berlaku. Ini merupakan pembaziran sumber yang berharga. Ikhtiar yang lebih seharusnya dilakukan untuk memastikan semua pihak yang memainkan peranan utama boleh bekerjasama demi mencapai tujuan melindungi dan memperbaiki mutu alam sekitar. Usaha untuk membawa semua pihak bekerjasama mestilah berdasarkan maklumat yang tepat dan mencukupi dari semua pihak. Untuk itu pihak media mestilah digunakan sepenuhnya. Pihak media mestilah bertindak sebagai jambatan yang menghubungkan semua kumpulan yang bekerjasama.

Pihak kerajaan mempunyai kelebihan berbanding pihak-pihak yang lain dalam hubungan baik dengan media bagi melindungi alam sekitar. Ia mempunyai sumber yang mencukupi serta boleh membuat kenyataan rasmi. Di sesetengah negara membangun media dikuasai oleh kerajaan atau parti yang memerintah manakala isu-isu sensitif hanya boleh disiarkan melalui kelulusan kerajaan. Walaupun ini betul, pihak kerajaan mestilah merapatkan lagi hubungan dengan pihak media dalam melaporkan isu alam sekitar walaupun tidak sempurna seratus peratus. Seringkali wartawan alam sekitar dan pihak media yang lain mengeluh dengan cara pihak kerajaan mengendalikan isu alam sekitar serta maklumat yang diberikan kurang tepat.

Pihak kerajaan sepatutnya mempunyai pegawai seranta yang khusus serta terlatih dengan cara media untuk bercakap atau menulis tentang alam sekitar serta mahir mengendalikan acara-acara berkenaan dengan alam sekitar supaya mempunyai nilai berita. Pihak kerajaan juga sepatutnya melibatkan diri melatih wakil-wakil media untuk melapurkan isu-isu alam sekitar dengan berkesan. Ini dapat dilakukan dengan menyalurkan bantuan kewangan kepada institusi-institusi kewartawanan, menggalakkan institusi pengajian tinggi yang mempunyai program sebaran am untuk mengadakan kursus-kursus liputan alam sekitar atau terus mengadakan kursus secara langsung serta pelbagai program lain. Sebagai tambahan, pihak kerajaan boleh menawarkan insentif dan anugerah khas kepada wartawan yang menyumbangkan sesuatu yang bermakna kepada alam sekitar.

Kerajaan juga boleh menubuhkan pusat sumber di peringkat kebangsaan dan peringkat tempatan. Pusat sumber ini mesti cuba menjadi pusat penulisan yang boleh difahami tentang alam sekitar. Usaha-usaha sepatutnya dibuat untuk memastikan penulisan-penulisan yang terkini berkenaan alam sekitar boleh dilaksanakan. Rencana dan berita penting mengenai alam sekitar diterjemahkan kepada bahasa tempatan dan jika boleh penekanan diberikan menerusi keadaan tempatan. Semua bahan ini mesti disampaikan selalu kepada pihak media.

Jika berlaku sebarang masalah alam sekitar, pakar kerajaan yang bertanggungjawab mestilah mendapatkan fakta yang berkenaan seberapa segera yang boleh dari pihak yang terbabit dan secepat mungkin menyampaikan kepada pihak media. Ini bertujuan mengelakkan khabar angin atau sesiapa yang tidak bertanggungjawab menggunakannya demi kepentingan individu. Masyarakat umum perlu dimaklumkan sebaik sahaja sesuatu isu itu tamat. Jika berlaku krisis alam sekitar pihak kerajaan mestilah melakukan jalan penyelesaian terbaik dan usaha-usaha ini mestilah disiarkan.

Pihak kerajaan juga mesti mengemaskinikan maklumat kepada pihak media tempatan dan apa yang dikemukakan kepada pihak yang telah memainkan peranan serta masyarakat umum yang terbabit dengan alam sekitar. Jika boleh agensi kerajaan yang berkenaan aktiviti melindungi alam sekitar dan menerbitkan secara berterusan dengan data terkini berkenaan alam sekitar. Jabatan atau kementerian alam sekitar sepatutnya melaksanakannya. Laporan tahunan tahap alam sekitar juga boleh diterbitkan dan diedarkan kepada semua pihak yang terlibat terutamanya pihak media.

Pada masa yang sesuai agensi kerajaan yang berkaitan dengan alam sekitar boleh mengadakan acara yang mempunyai nilai berita dan melibatkan semua pihak yang terbabit untuk turut serta. Dua acara tahunan peringkat antarabangsa yang boleh digunakan dalam keadaan ini ialah Hari Bumi Sedunia dan Hari Alam Sekitar Sedunia. Pada masa sekarang masih kurang kerajaan-kerajaan negara yang mengambil kesempatan terbaik ini untuk mendapatkan seranta yang maksimum dan meningkatkan kerjasama dengan semua pihak yang menyokong kebajikan alam sekitar.

Agensi alam sekitar kerajaan sepatutnya mempunyai bahagian penyelidikan untuk mengkaji kehendak-kehendak setiap media mengenai berita alam sekitar. Ianya mesti mempunyai kertas soal-selidik untuk mengetahui bentuk dan jenis berita yang dikehendaki oleh setiap media. Jika ada di antara program dan rencana yang terbukti berkesan ianya patut diteruskan.

Kerajaan sepatutnya mengambil kesempatan untuk mengadakan pendidikan alam sekitar dalam usaha mengukuhkan hubungan dengan media serta memper-timbangkan insentif kepada media cetak dan media elektronik.

Media Cetak

Suratkhabar mesti digalakkan mempunyai ruangan alam sekitar. Ruangan mingguan juga patut diadakan atau sekurang-kurangnya rencana mingguan. Agensi kerajaan yang terbabit dalam usaha melindungi alam sekitar mesti diarahkan membantu pihak media untuk mendapatkan maklumat mengenai alam sekitar. Rencana yang bermutu dari luar negeri mengenai alam sekitar patut diterjemahkan ke bahasa kebangsaan dan setempat untuk memastikan ianya dapat dimuatkan dalam akhbar. Penggunaan rencana-rencana yang sedemikian mesti diawasi.

Majalah juga patut digalakkan untuk menerbitkan berita alam sekitar. Oleh itu bahan-bahan yang berkenaan dengan alam sekitar mesti diedarkan kepada mereka secara berterusan. Oleh kerana majalah adalah umum dan ada yang khusus maka ia boleh digunakan untuk sampai kepada sasaran tertentu. Ia boleh dikhususkan kepada kanak-kanak, wanita, remaja atau masyarakat yang mempunyai kepentingan.

Risalah, brosur dan phamplet juga boleh diterbitkan dan diedarkan bagi mendidik masyarakat umum dan pihak media. Pihak media boleh diminta membantu mengumumkan kepada orang ramai tentang penerbitan bahan-bahan tersebut. Media juga digalakkan untuk menerbitkan semula bahan-bahan tersebut.

Media Elektronik

Penekanan harus diberikan kepada radio. Ini kerana siarannya boleh sampai hampir keseluruh negara. Faktor murahanya harga radio transistor misalnya turut menyokong pendapat ini. Di kebanyakan negara juga, stesen radio dikuasai oleh kerajaan. Oleh itu kerajaan boleh mengarahkan supaya menumpukan kepada program alam sekitar. Tambahan pula ianya merupakan kaedah yang paling berkesan untuk sampai kepada rakyat yang ketinggalan serta buta huruf lebih-lebih lagi di luar bandar.

Stesen radio sepatutnya digalakkan mempunyai program mingguan berkenaan alam sekitar serta pengumuman berterusan atau khidmat awam tentang kepentingan melindungi alam sekitar. Radio juga sepatutnya digalakkan untuk membabitkan diri dengan perkara-perkara asas alam sekitar seperti kempen kebersihan dan kempen guna semula serta kempen-kempen lain lagi. Agensi kerajaan yang terbabit dalam hal-ehwal

alam sekitar patut membantu atau menerbitkan rancangan yang sesuai kepada stesen radio yang mengambil bahagian. Ia mungkin dalam bentuk skrip, pita rakaman atau yang mana terbukti lebih berkesan.

Mesej pendidikan alam sekitar boleh diselitkan dalam pelbagai program yang telah sedia ada (wanita, sains dan teknologi, luar bandar, maklumat umum, agama, berita, hiburan dan remaja). Pelbagai format yang boleh disampaikan seperti (lagu, sajak, perbincangan, drama, berita dan cerita kanak-kanak). Program alam sekitar dan ruangan berita di stesen radio mesti sentiasa diawasi.

Stesen televisyen juga patut digalakkan supaya selalu menyiarkan program alam sekitar serta ruangan berita-berita dan pengumuman-pengumuman penting. TV juga patut membabitkan diri dengan kempen alam sekitar. Ini kerana TV boleh mengkagumkan penonton semasa menyiarkan program alam sekitar. Seperti komen seorang pengarang akhbar: "Anda melihat sendiri mangsanya, nelayan memandang ikan yang mati sambil berkata; inilah lautku dan sekarang ianya telah tiada" (Kim Minke, 1990).

Kerajaan sepatutnya menerbitkan risalah bantuan umum berkenaan alam sekitar dan diserahkan kepada stesen televisyen untuk disiarkan secara berterusan atau pada masa yang sesuai.

Kerajaan juga boleh mengadakan program pertukaran dokumentari yang dihasilkan oleh negara lain berkenaan isu alam sekitar. Dokumentari ini boleh dialihbahasakan ke dalam bahasa kebangsaan dan dipinjamkan kepada stesen TV untuk disiarkan.

Program khidmat umum dan drama seharusnya digalakkan supaya disertakan elemen pendidikan alam sekitar serta perbincangan isu-isu yang berkaitan alam sekitar.

Peniaga/Pengusaha

Dalam sistem pasaran ekonomi bebas beberapa kajian dan kes amat jelas menunjukkan kebanyakan kes pencemaran udara, air, sisa buangan, pencemaran bunyi dan pencemaran alam sekitar berpunca dari industri. Mungkin yang paling nyata menyebabkan masalah alam sekitar ialah semasa proses penghasilan lebih-lebih lagi industri penghasilan keluli, petroleum dan kertas. Walau bagaimanapun perlu diingatkan pencemaran berlaku di semua proses pengeluaran, pengedaran dan pusingan pengguna. Sebagai contoh semasa proses penggerudian, kebocoran minyak berlaku dan penghasilan asid dari kawasan perlombongan menghasilkan masalah pencemaran yang serius. Pada peringkat akhir pusingan ekonomi, bahan buangan seperti tin aluminium dan raksa pada bateri akan membahayakan alam sekitar.

Di sini pasaran ekonomi bebas selalu dikatakan sebagai punca kemerosotan mutu alam sekitar dan pencemaran. Tuduhan ini bukanlah tidak berasas. Pasaran ekonomi bebas seringkali melanggar etika kawalan alam sekitar serta membawa banyak kesan buruk dari kesan positif yang dibawakan. Aktiviti syarikat yang diketahui terbabit dalam merosakkan alam sekitar akan kekal sebagai citra negatif kepada perniagaan mereka. Kodak misalnya telah didenda US\$25 juta kerana membuang sisa toksid ke Lautan Atlantik, rangkaian makanan segera terkenal Mc Donald telah dikritik kerana membuka ladang di Amerika Latin tanpa memikirkan pemusnahan hujah tropika serta memusnahkan kehidupan masyarakat pribumi di sana.

Beberapa kes lain seperti kilang di Pulau Three Mile, Tragedi Bhopal, bencana tumpahan minyak Exxon di Valdez dan Minimata turut memberikan kesan negatif.

Walaupun beberapa amaran awal telah diberikan sejak tahun 1940-an di negara-negara perindustrian dan negara-negara membangun pada 1970-an. Kebanyakan

syarikat masih belum bersedia secara terancang untuk menangani isu alam sekitar sehingga terdapat penguatkuasaan undang-undang atau pasaran. Walaupun begitu para pengusaha tidak mengendahkan kepada amaran seperti ini dan menurutinya kerana terpaksa. Liputan berita yang negatif memburukkan hubungan dengan pihak media serta orang awam hingga sebahagiannya menyebabkan kerajaan terpaksa menjalankan penyiasatan. Reaksi para pengusaha terhadap apa yang dikatakan liputan yang tidak bertanggungjawab dengan menuduh penipuan fakta, penyelidikan prasangka dan terus memusuhi pihak media. Reaksi seperti ini akan memburukkan lagi hubungan dengan pihak media.

Para pengusaha akan dapat menyelamatkan wang dan reputasi jika memulakan usaha meningkatkan mutu alam sekitar dari kilang serta kemasyarakatan hingga ke rumah pengguna dan sisa buangan. Satu kajian yang dijalankan oleh Jawatankuasa Keutamaan Ekonomi (CEP), Bragdon dan Marlin menunjukkan syarikat mengamalkan pengawalan mutu alam sekitar terbaik merupakan syarikat yang paling menguntungkan daripada 17 buah syarikat.

Manakala syarikat yang paling teruk mengakibatkan pencemaran secara relatif menunjukkan pendapatan yang kurang. Mereka membuat kesimpulan pengawalan mutu alam sekitar yang baik menunjukkan syarikat itu mempunyai mutu pengurusan yang baik. Kesensitivitan para eksekutif untuk menangani masalah pengawalan alam sekitar adalah para pengurus yang cekap biasanya menghasilkan keuntungan yang tinggi. (Vogel, 1978).

Oleh yang demikian adalah sesuatu yang menguntungkan kepada para pengusaha untuk lebih prihatin kepada pengawalan alam sekitar. Bagaimanapun, oleh kerana tanggapan negatif yang selama ini para pengusaha tidak membantu ke arah kebaikan alam sekitar perkara yang hendak dilakukan mestilah memperlihatkan sesuatu yang jelas dan positif. Masyarakat perdagangan seperti pihak-pihak yang lain memerlukan bantuan dan persefahaman dari pihak media supaya lebih berkesan.

Sebahagian daripada cara para pengusaha dapat memperbaiki hubungan dengan pihak media serta menaikkan citra korporat melalui alam sekitar adalah seperti di bawah:

1. Menyelaraskan supaya kualiti alam sekitar sama penting dengan elemen yang lain ketika menjalankan perniagaan seperti bahan mentah, peralatan, sumber tenaga, jualan, keuntungan dan cukai. Polisi seperti ini mesti diperjelaskan kepada semua pihak seperti kerajaan, kumpulan berkepentingan umum, pihak media dan masyarakat umum.
2. Menugaskan seorang pegawai tinggi untuk mempengerusikan satu majlis atau jawatankuasa alam sekitar. Jawatankuasa atau majlis ini sepatutnya bertanggungjawab tentang kualiti alam sekitar seperti dalam aspek sisa buangan ke udara dan air, aspek keselamatan dan kesihatan, pencemaran bunyi dan ketrampilan kilang, sisa buangan termasuk pemusnahan penghasilan produk kilang serta mempertimbangkan alam sekitar termasuk keselamatan pengguna diberikan tumpuan awal dalam proses perancangan serta produk baru.
3. Majlis atau jawatankuasa ini mesti selalu bermesyuarat. Ia sepatutnya mengkaji kemajuan dan rancangan dari segenap sudut. Jika ada di antara isu alam sekitar yang bersangkutan paut dengan perniagaan, mereka sepatutnya bermesyuarat serta

merta untuk membincangkan rancangan atau tindakan untuk menyelesaikannya seberapa segera yang boleh. Keputusan mesyuarat sepatutnya diumumkan melalui media.

4. Para peniaga mesti memastikan produk mereka serta aktiviti mereka bersifat mesra alam.
5. Peniaga mesti mengawal hubungan rapat dengan ahli sains atau menaja atau mengadakan penyelidikan untuk mengetahui tentang produk atau perkhidmatan mereka mestinya bersifat mesra alam.
6. Peniaga mesti mengadakan satu mekanisme perhubungan yang efektif berkenaan dengan kemajuan alam sekitar. Mereka mesti menyesuaikan dengan apa saja yang berlaku di mana sahaja dan memaklumkan kepada semua pihak lebih-lebih lagi pihak media.
7. Para peniaga mesti mengadakan satu senarai keperluan dan program komunikasi yang berterusan. Senarai tersebut mesti jelas termasuk polisi perniagaan, penelitian tentang apa yang telah dilakukan, apa perancangan masa depan yang hendak dilakukan, apa tarikh sasaran. Ia juga boleh disertakan dengan hasil penyelidikan yang menyokong dan mudah difahami, masalah teknikal yang telah diselesaikan, masalah kompleks yang belum diselesaikan.
8. Para peniaga mesti bekerjasama dengan semua pihak yang terlibat dengan aktiviti alam sekitar terutamanya pihak kerajaan, kumpulan berkepentingan umum dan media.
9. Peniaga juga boleh mengeksploitasikan hari-hari yang telah ditetapkan untuk promosi alam sekitar seperti Hari Bumi Sedunia dan Hari Alam Sekitar Sedunia untuk mengadakan acara khas serta pihak yang terbabit dan mendapatkan sokongan daripada pihak media untuk tujuan tersebut.
10. Para pengusaha boleh menaja program pengumuman perkhidmatan awam serta rencana khas berkenaan alam sekitar yang boleh disiarkan melalui media elektronik atau diterbitkan dalam media cetak.
11. Peniaga boleh menaja program latihan kepada pihak media supaya lebih cekap melaporkan isu-isu berkenaan alam sekitar dan menyediakan anugerah kepada wartawan yang telah memberi sumbangan bermakna dalam bidang tersebut.
12. Pengusaha mesti mengadakan program, komunikasi semasa krisis berkenaan isu-isu alam sekitar. Banyak agensi perunding perhubungan awam yang mempunyai kepakaran yang cukup untuk mengendalikan krisis bersangkutan dengan alam sekitar.

Untuk mendapatkan hubungan media yang berjaya dalam hal alam sekitar para pengusaha mesti menolak pemikiran yang mereka tidak perlu berbincang tentang masalah alam sekitar serta pencapaiannya. Hanya peniaga yang ikhlas berkenaan

dengan hal tersebut boleh meyakinkan masyarakat umum dan boleh mengelakkan tuduhan-tuduhan yang tidak adil.

Kumpulan Masyarakat Bertindak

Kumpulan masyarakat bertindak terutamanya kumpulan alam sekitar dan pengguna di semua peringkat telah berjaya membuat kerajaan pusat, negeri serta pihak berkuasa tempatan dan masyarakat umum prihatin mengenai alam sekitar melalui media. Malah kumpulan berkepentingan yang biasanya kekurangan sumber dari segenap segi tidak akan begitu berjaya tanpa pertolongan pihak media.

Namun begitu hubungan kedua pihak penuh dengan pelbagai cabaran. Di negara-negara yang mempunyai peraturan media yang ketat, hubungan kedua pihak biasanya tidak menggalakkan. Bila hubungan tidak baik berlaku kumpulan berkepentingan yang menyokong alam sekitar akan mendapati amat sukar untuk menyalurkan maklumat atau acara-acara mereka mendapat liputan oleh pihak media.

Tambahan lagi bila mana pihak kerajaan dan golongan peniaga turut terbabit menangani masalah alam sekitar persaingan mendapatkan ruang dan masa siaran agak sukar bagi kumpulan masyarakat bertindak. Kim Minke (1990) melaporkan bahawa keadaan telah berubah dari sebelumnya, kumpulan-kumpulan alam sekitar sangat dihormati sebagai sumber maklumat dan penilaian dan ketika ini mereka mengatasi kumpulan pendesak. Beliau memetik kata-kata seorang editor televisyen sebagai berkata "pihak berkuasa umum sekarang memainkan peranan yang lebih daripada pergerakan asal dan kumpulan pendesak". ...Sekarang kita lebih kritikal bila kita menawarkan maklumat dan footstage daripada Greenpeace seperti sebelumnya. Kita memandang mereka sebaris dengan kumpulan yang mempunyai kepentingan yang lain, dan sekarang kita boleh meminta pendapat pihak berkuasa.

Sekarang kita tidak memerlukan kumpulan berkepentingan untuk lebih kritikal terhadap kepentingan perniagaan dan orang lain. Oleh yang demikian sekarang kita boleh melakukan apa yang kita patut lakukan bertahun-tahun dahulu: kita boleh bersikap kritikal terhadap Greenpeace dan kumpulan berkepentingan yang lain".

Keadaan di negara membangun boleh menjadi lebih buruk bila media di negara lebih kritikal terhadap kumpulan yang prihatin terhadap keadaan alam sekitar. Seperti yang dikeluhkan oleh kumpulan seperti itu di Malaysia "Adalah menyedihkan bahawa dua kumpulan yang mempunyai minat yang sama untuk memaklumkan kepada masyarakat tentang kebenaran gagal bekerjasama dengan berkesan. Media tempatan mungkin mempunyai pendekatan tersendiri tetapi perlulah membincangkan dengan tepat dan tulus. Pertentangan di antara keduanya bukanlah tidak dapat dielakkan. Tetapi perbincangan di antara keduanya memerlukan keduanya bersikap terbuka dan saling bergantung. Keadaan seperti ini amat sukar berlaku terutamanya kerana terpaksa melalui proses perundangan Malaysia seperti akta penerbitan dan percetakan. Hampir semua media dipunyai oleh Barisan Nasional parti yang memerintah". (Gurmit, 1989).

Walaupun begitu, Minke (1990) melaporkan kumpulan pendesak masih lagi memainkan peranan yang bermakna sebagai penyumbang idea untuk membuat liputan dan sumber rujukan kepada peringkat yang lebih rendah serta sumber penerangan. Mereka juga masih dianggap lebih berkuasa daripada pihak yang berwajib bila sampai kepada skil komunikasi. Berkenaan dengan ini, Gurmit (1989) mengemukakan pertanyaan: "Saya berasa hairan kerana selama ini para wartawan mengharap kami untuk memberikan fakta-fakta saintifik untuk membuktikan berita yang mereka terbitkan.

Kenapa mereka tidak mengemukakan pertanyaan kepada Jabatan Kerajaan yang berkenaan atau syarikat-syarikat gergasi yang terbabit?" Kumpulan Masyarakat Bertindak serta mereka yang prihatin dengan alam sekitar selalunya dihentam oleh pihak kerajaan, pengusaha, media dan kadang-kadang masyarakat umum. Dengan masyarakat yang semakin canggih, kerajaan, masyarakat perdagangan serta pihak media semakin kritikal, kumpulan berkepentingan mesti mempertingkatkan ketrampilan mereka dan pendekatan. Sungguhpun ada tekanan terhadap pihak media yang telah secara tidak sengaja dipersalahkan pergerakan masyarakat mesti terus memelihara hubungan baik dengan pihak media. Ada beberapa perkara yang dapat dilakukan seperti berikut:

1. Mendapatkan khidmat kumpulan pakar sukarela dalam pelbagai bidang alam sekitar. Mereka perlu dibenarkan menjadi jurucakap dalam bidang kepakaran masing-masing. Seperti komen Minke (1990): Sesetengah responden (media) dalam rakaman penerangan memuji pakar yang berkhidmat dengan organisasi alam sekitar menjadi komunikator yang lebih baik daripada pakar yang mereka kenali dan ini menyebabkan mereka lebih suka menemubual mereka untuk mendapatkan penerangan yang lebih terperinci. (Pakar dalam kumpulan alam sekitar biasanya lebih banyak melibatkan diri lebih kuat berusaha dalam tugas mereka. Mereka juga lebih teliti daripada mereka yang profesional yang berkerja dengan kerajaan dan swasta). Tambahan pula lebih ramai pakar yang bertindak sebagai jurucakap kumpulan tersebut. Wartawan pula cenderung untuk melabelkan orang yang sedemikian sebagai orang yang gila publisiti atau sengaja tidak mahu memberikan pendedahan yang berlebihan walaupun terdapatnya faktor-faktor yang jitu daripada jurucakap kumpulan yang prihatin. Oleh sebab itu lebih ramai orang yang mempunyai kepakaran dan kuasa untuk kumpulan maka hubungan sepatutnya lebih baik.
2. Pergerakan alam sekitar perlu memastikan kesimpulan dan data yang sesuai. Mempunyai sekumpulan pakar penyelidikan untuk membantu berkenaan dengan perkara ini. Ini sangat mustahak kerana sekarang ini pihak media sangat kritikal dengan data atau maklumat yang disebarkan oleh kumpulan yang berkepentingan. Tambahan lagi pihak kerajaan dan syarikat perdagangan mempunyai ramai pakar dalam bidang alam sekitar. Cuba elakkan daripada memberikan kenyataan yang kontroversi yang boleh memburukkan citra atau "boomerang effect" yang boleh menjejaskan citra pergerakan alam sekitar.
3. Penganjur atau pemimpin pergerakan alam sekitar mesti meningkatkan kebolehan mereka berkomunikasi. Ini termasuklah kebolehan berucap dan penulisan. Mereka juga mesti meningkatkan pengetahuan untuk mengadakan acara yang mempunyai nilai berita. Mereka juga perlu sensitif terhadap perkara yang berkaitan dengan alam sekitar serta memberi cadangan kepada pihak berkuasa ataupun melalui pihak media bagaimana menyelesaikan masalah.
4. Mewujudkan pusat sumber bagi maklumat berkenaan dengan alam sekitar. Cuba mengumpulkan maklumat yang terkini tentang alam sekitar, terutamanya daripada kumpulan alam sekitar yang lain supaya pihak media mempunyai maklumat yang berguna. Jika sumber kewangan terhad penumpuan hendaklah diberikan kepada perkara yang mereka paling mahir sahaja.

5. Mengadakan penerbitan yang boleh diedarkan kepada pihak media dan pihak-pihak yang berminat.
6. Mengenalpasti hari yang telah ditetapkan seperti Hari Bumi dan Hari Alam Sekitar untuk mengadakan acara istimewa yang boleh diberikan liputan menarik oleh pihak media. Untuk mendapatkan publisiti terbaik adalah lebih baik jika boleh bekerjasama dengan seberapa banyak pihak bagi sesuatu acara. Juga boleh mendapatkan pembabitan agensi kerajaan yang berkaitan. Pihak media biasanya lebih bermurah hati memberikan publisiti jika membabitkan agensi kerajaan.
7. Membabitkan diri dalam melatih para wartawan. Dalam perkara ini mereka boleh berkerjasama dengan institusi akhbar serta institusi pendidikan yang menawarkan kursus peringkat diploma dan ijazah dalam bidang kewartawanan. Jika kursus-kursus sedemikian masih belum wujud maka pertubuhan alam sekitar perlu berusaha ke arah itu. Di negara-negara yang sudahpun mempunyai persatuan wartawan alam sekitar, usaha-usaha perlu dibuat untuk bekerjasama dengan mereka termasuk mengadakan program latihan bersama.
8. Mengadakan penganugerahan kepada wartawan yang memberikan liputan terbaik mengenai alam sekitar. Ini boleh dilaksanakan dengan kerjasama institusi, jabatan alam sekitar mahupun syarikat korporat yang bersikap mesra alam.
9. Berusaha mengadakan ruangan khas atau rencana mingguan dengan pihak media yang ingin memberikan ruang ataupun masa siaran. Paling tidakpun memberikan idea untuk berita-berita alam sekitar.
10. Berusaha mengadakan forum umum alam sekitar sekerap mungkin. Ini boleh dilaksanakan dengan kerjasama kumpulan alam sekitar yang lain seperti institusi media atau jabatan alam sekitar.

Beberapa cara di atas adalah sebahagian daripada untuk kumpulan masyarakat bertindak yang prihatin tentang alam sekitar boleh mewujudkan hubungan dengan pihak media mengenai alam sekitar. Cara-cara lain yang baik juga mungkin boleh digunakan. Namun begitu yang lebih penting jangan berhenti berusaha tetapi cuba sebaik mungkin apa lagi dengan persaingan yang semakin hebat. Aktivis alam sekitar juga perlu memberikan perhatian kepada beberapa orang wartawan dan editor yang bersimpati dan sesetengahnya pula turut melibatkan diri dengan masalah alam sekitar serta pergerakan mereka dan banyak membantu ketika diperlukan. Wartawan dan editor sedemikian mesti dikenalpasti dan mudah dihubungi. Semua bentuk maklumat yang berkenaan patut dihantar kepada mereka supaya mereka boleh terus bersama-sama mempunyai maklumat yang terkini.

Masyarakat Umum

Masyarakat umum sekarang lebih sedar tentang kepentingan menjaga keselamatan alam sekitar. Kesedaran ini biasanya lahir daripada liputan meluas oleh pihak media tentang tragedi alam sekitar yang banyak berlaku. Kejadian seperti ini banyak berlaku di negara-negara berasaskan perindustrian. Sebagai contoh di Denmark peningkatan

jumlah orang ramai untuk mengambil bahagian dalam proses membuat keputusan untuk masalah alam sekitar terbukti dari fakta keahlian Nature Conservation Association of Denmark telah meningkat dengan banyaknya dari 50,000 orang pada tahun 1976 kepada 250,000 orang dalam tahun 1986. Keahlian organisasi ini pada masa sekarang melebihi semua ahli parti politik di sana (Minke, 1990).

Masyarakat di negara membangun juga lebih sedar tentang keperluan untuk melindungi alam sekitar. Mereka sekarang lebih bersedia untuk mengambil tindakan yang sewajarnya demi melindungi alam sekitar, lebih-lebih lagi bila ianya hampir dengan tempat mereka. Ini merupakan daya usaha yang menyebabkan pertumbuhan-pertumbuhan seperti ini banyak muncul. Sebagai contoh di Malaysia dalam tahun 1980-an kita melihat usaha terpuji oleh Jawatankuasa Anti-Radioaktif Bukit Merah, penduduk asli hutan Sarawak, bantahan tempat buangan sampah di Kelana Jaya, bantahan menentang pembuangan sisa toksid seperti di Sepang dan tempat-tempat lain. Dalam tahun 1990-an, kita dapat melihat penubuhan "Jawatankuasa Penyelamat Taman di Petaling Jaya".

Walau bagaimanapun menurut EPSM, ahli politik dan mereka yang terbabit tidak akan bertindak jika usaha-usaha ini tidak disebarluaskan meluas dan hanya sambil lewa. Ianya boleh diselindungi dan penulisan seperti ini boleh disenyapkan dan terus akan dilupakan. Kesedaran masyarakat tentang alam sekitar tidak dapat dinafikan dalam media di Malaysia serta menunjukkan peningkatan berterusan hingga hampir menenggelamkan kumpulan alam sekitar menjelang penghujung tahun 1980-an.

Di sini pihak media perlulah menunjukkan peningkatan yang berterusan untuk membuat liputan-liputan penting untuk menimbulkan kesedaran umum, menawarkan pendidikan mengenai alam sekitar dan sebagai penasihat pada ketika yang sesuai. Di sini pihak media mesti menjadi pengasas dan bukannya menunggu pihak yang lain untuk memulakannya.

Media

Dalam pasaran ekonomi bebas, pihak media selalu dipersalahkan oleh hampir kesemua pihak yang terbabit dengan isu alam sekitar sebagai tidak bertindak seperti yang sepatutnya atau tidak adil dalam liputan mereka. Di Malaysia sahaja sebagai contoh, Gurmit Singh (1989) mengeluh: masalah mengenyepikan berita mungkin berlaku dalam pihak media menangani masalah alam sekitar dan pandangan pertumbuhan alam sekitar bukan kerajaan, liputan kegiatan dan penempatan Jabatan Alam Sekitar kerajaan pusat masih belum memuaskan. Malah semasa mesyuarat CHOGM di Kuala Lumpur kedua pihak iaitu TV dan akhbar utama cuma melaporkan sedikit isu alam sekitar pemanasan global tanpa bukti terfatan yang kukuh dan bermakna. Tiada kempen yang berterusan dalam media untuk meningkatkan kesedaran umum atau menyiarkan kebaikan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) yang telah diperuntukkan di bawah undang-undang pada awal 1988. Liputan alam sekitar bukanlah satu tugas yang mudah. Beritanya sangat kompleks. Para wartawan yang ingin membuat liputan yang adil mengenai isu alam sekitar perlu melakukan penyiasatan dan mengambil semua fakta yang kelihatan tidak berkaitan untuk mendapatkan bentuk yang mudah difahami. Ini akan mengambil masa serta perlukan maklumat yang berguna dan kebolehan berkomunikasi dengan bahan-bahan yang sangat teknikal. Kemudiannya menulis berita yang boleh difahami dan menarik masyarakat umum membacanya.

Dengan demikian liputan mengenai alam sekitar masih lagi pada peringkat para wartawan berpuashati setakat melaporkan krisis dengan anggapan untuk menyelidik, membuat liputan atau mendapatkan pandangan daripada pertubuhan alam sekitar atau pergerakan pengguna, saintis terkemuka atau mencari kelemahan sesuatu kesimpulan. Keadaan ini berlaku kerana organisasi media terus menganggap berita alam sekitar perkara harian yang biasa dan kemudiannya menugaskan wartawan umum melaporkan berita.

Keputusan-keputusan yang dibuat bagi liputan berita alam sekitar kebiasaannya dibuat tanpa bukti-bukti yang jelas dengan memberi ruang kepada wartawan tertentu untuk mempengaruhi liputan sesuatu berita. Namun begitu ianya ditambah lagi dengan anggapan minat pembaca dan penonton. Kebiasaannya ia kurang diminati kerana kelemahan dan permainan politik mengikut pendapat editor atau pemunya media.

Adalah dinasihatkan supaya organisasi media mempunyai wartawan yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut dan mengadakan ruangan khas serta/atau rencana tetap kerana masalah alam sekitar telahpun menjadi asas penting kepada semua orang. Masalah alam sekitar mungkin bukan minat utama kepada semua orang tetapi kefahaman dan penyertaan para wartawan, pengarang dan semua pihak yang berkenaan itu yang membuatkan ianya wujud.

Objektif liputan alam sekitar sepatutnya dapat meningkatkan kefahaman kita tentang alam sekitar dan menunjukkan hubungan pengetahuan teknikal dan sosial. Dalam konteks ini ia sepatutnya menggambarkan isu yang lebih luas dan perkara-perkara yang lebih penting serta tempat berlakunya sesuatu kejadian itu. Adalah lebih baik jika para wartawan alam sekitar tidak hanya membuat liputan sesuatu isu yang berlaku tetapi membuat liputan secara menyeluruh.

Persatuan wartawan alam sekitar dan pertubuhan-pertubuhan lain sepatutnya disokong untuk mengekalkannya oleh semua pihak yang terbabit dengan alam sekitar dan terus diperkukuhkan. Pertubuhan-pertubuhan seperti ini mesti mengeratkan lagi mereka dengan semua pihak yang terbabit atau yang berpengetahuan tentang alam sekitar kita. Mereka juga boleh melobi organisasi media supaya mengadakan ruangan khas atau rencana tetap tentang alam sekitar. Perlu juga dipastikan organisasi media memberi pengiktirafan kepada wartawan alam sekitar.

Selain daripada itu, mereka juga boleh mengadakan program latihan tentang liputan alam sekitar dan mengadakan anugerah tahunan kepada wartawan yang memberikan sumbangan terbaik kepada liputan alam sekitar setiap tahun. Mereka juga boleh mengadakan senarai sumber siapa yang mempunyai kepakaran dan paling banyak terbabit dalam sesuatu bidang alam sekitar. Rancangan pertukaran wartawan alam sekitar antara negara juga boleh dilakukan.

Kesimpulan

Semua kumpulan yang cintakan alam sekitar mestilah membabitkan diri dalam mengukuhkan hubungan di antara mereka serta masyarakat umum. Seperti yang telah kita semua maklum pihak media memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha ini. Perlu diakui yang liputan media tentang alam sekitar masih belum mencukupi.

Semua pihak perlulah berusaha dengan lebih kuat untuk menambah ruangan atau liputan tentang alam sekitar. Jika perlu, inovasi atau pendekatan baru perlu digunakan. Ini sangat perlu di dalam pasaran ekonomi bebas kerana semua pihak adalah diharapkan

menyumbang kearah masyarakat yang baik daripada mengharapkan kerajaan sesebuah negara. Ini penting supaya alam sekitar tidak menjejaskan semua kehidupan jika pemeliharannya diabaikan.

Akhir sekali sebagai langkah berjaga-jaga, semua pencinta alam sekitar jangan menyuapkan pihak media dengan bahan yang tidak mempunyai nilai berita. Setiap kali organisasi yang terbabit mengadakan acara yang bersangkutan dengan alam sekitar mengundang pihak media bagi membuat liputan kegiatan mereka mesti mempunyai nilai berita atau paling tidak sebagai asas berita. Keadaan yang sama juga perlu untuk siaran akhbar atau persidangan akhbar. Jika organisasi terus membanjiri media dengan bahan yang tiada nilai berita ianya hanya membazir atau menyebabkan "boomerang effect" iaitu imej kurang baik kepada organisasi tersebut. Jika demikian sekiranya pihak media hadir atau menggunakan berita tersebut orang ramai akan menganggap sebagai berita yang sudah lapuk. Oleh yang demikian adalah sangat penting setiap organisasi yang terbabit dalam melindungi alam sekitar untuk menghargai pihak media untuk memastikan kedua pihak saling menghormati dan ini akan membolehkan liputan meluas tentang alam sekitar.

Rujukan

- A. Ahmad Kadir (1990): "Alam Sekitar, Budaya dan Sikap" *Dewan Budaya*, Oktober 1990, ms 12-14.
- Becker, L.B. (1982): "The Mass Media and Citizen Assessment of Issue Importance: A Reflection on Agenda-Setting Research" In D.C. Whitney & S. Windhal Cycle (eds): *Mass Communication Review Yearbook*. Vol. 3. London: Sage
- Brookes, S.K. et al (1976): "Up and Down With Ecology - The Issue Attention Cycle" *Public Interest*, 28, ms 38-50.
- Connor, J.V. (1990): *Environmental Education In The Developing World*. New York: UNICEF.
- FOMCA (1989): "Alam Sekitar Tercemar" *Majalah Pengguna*, Vol. 7. No. 1.
- Hage, G.S. et al (1976): *New Strategies for Public Affairs Reporting - Investigation, Interpretation, and Research*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Hill and Knowlton Executives (1975): *Critical Issues In Public Relation*. New Jersey: Prentice Hall, Inc.
- Hj Illuzna, et al (1990): "Menghijaukan Pengusaha Nakal" *Warta Konsumer*, No. 195, Tahun XIX, Jun, ms 13-15.
- Lowe, P & J. Goyder (1983): *Environmental Groups in politics*. London: George Allen & Unwin.
- Lowe, P. & D. Morrison (1984): "Bad News or Good News - Environmental Politic and the Mass Media." *Sociological Review*, 31 (1)

Minke, Kim (1990) "Environmental Issues and Journal Practices" Paper presented at International Communication Association, Dublin, June.

Mohd Hamdan Adnan (1986): "Communication Needs of Pressure Groups for Development." *Media Asia* Vol. 17 No. 2, 1990, ms. 104-109.

----- (1990): "Malaysian Environment in the 1990s." *Berita Pengguna*, No. 5., ms. 2

Murch, A.W. (1971): "Public Concern for Environmental Pollution" *Public Opinion Quarterly*, Spring, ms 102-9.

Schoenfeld, A.C. et Al (1979): "Constructing A Social Problem: The Press and the Environment" *Social Problems*, 27 (1) ms 38-61.

Sellers. L. & D.W. Jones (1973): "Environment and Mass Media" *Journal of Environment Education*, 5(1) ms 51-7.

Singh, Gurmit (1989): "Freedom of Information & Expression in Malaysia - Quo Vadist?" *Alam Sekitar*, Vol. 15, No. 1 & 2, ms 26, 25, 24 & 9.

----- (1989): "Mass Media & The Environment: Some Views on the Malaysian Situation." *Alam Sekitar*, Vol: 14, No. 13 ms 17-18

----- (1990): "Probable Malaysian Environmental Issues In The 1990s." *Alam Sekitar*, Vol. 15, No. 1 & 2, ms 26, 25, 24 & 9.

Vogel, D (1978): *Lobbying the Corporation - Citizen Challenges to Business Authority*. New York: Basic Books, Inc. Publisher.